



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ARIFIN MINTA KERJAAN BANTU BELIA CEBURI INDUSTRI SARANG BURUNG WALIT, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	SEKTOR PERTANIAN NEGARA PERLU PELAN TRANSFORMASI, BISNES, BERITA HARIAN -15	
3.	GALAK CEBURI PERTANIAN MODEN, NASIONAL, SINAR HARIAN -6	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
4.	SEKTOR TANI PERLU PELAN TRANSFORMASI, BISNES, HARIAN METRO -25	LAIN-LAIN
5.	M'SIAN AGRI SECTOR NEEDS URGENT REFORMS: WORLD BANK, SUN BIZ, THE SUN -11	
6.	JOM KE HPPNK 2019, LOKAL, HARIAN METRO -12	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Arifin minta kerajaan bantu belia ceburi industri sarang burung walit		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	21 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

Arifin minta kerajaan bantu belia ceburi industri sarang burung walit

PENJELASAN: Arifin mendengar penjelasan daripada Menteri Pembangunan Insfrastruktur Datuk Peter Anthony sebelum sidang DUN bermula.

KOTA KINABALU: Industri sarang burung walit menjadi salah satu sumber pendapatan lumayan, terutamanya bagi penduduk luar b...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2019	BERITA HARIAN	BISNES	15

Sektor pertanian negara perlu pelan transformasi

Ekonomi sukar beralih status pendapatan tinggi jika tiada perubahan industri tani

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

Produktiviti pertanian di Malaysia dikenal pasti menyumbang kurang separuh daripada purata pendapatan tinggi negara, sekali gus memberi isyarat ia memerlukan pelan transformasi untuk meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan negara.

Mengikut laporan Bank Dunia bertajuk 'Transformasi Pertanian dan Pertumbuhan Inklusif: Pengalaman Malaysia', walaupun kejayaan negara dalam bidang pertanian boleh dijadikan kajian kes untuk negara ekonomi sedang membangun, usaha selanjutnya perlu jika Malaysia mahu sektor agri-

kultur mencerminkan ekonomi maju.

Pengurus Negara Bank Dunia ke Malaysia, Firas Raad, berkata tunjang transformasi struktur ekonomi negara adalah bidang pertanian.

"Tiada negara melaksanakan peralihan kepada status berpendapatan tinggi tanpa transformasi pertanian.

"Tanpa sebarang perubahan, akan berlakunya kelewatan transformasi ekonomi yang menjejaskan ekosistem ekonomi keseluruhan, kemiskinan, keselamatan makanan dan kebajikan penduduk bandar dan luar bandar," katanya pada majlis pelancaran laporan itu di Putrajaya, semalam.

Kajian itu hasil kerjasama antara Bank Dunia dan Ko-

menterian Hal Ehwal Ekonomi dalam pelbagai dasar terutama bidang pertanian yang menjadi tumpuan ketika ini.

Laporan itu menyatakan bidang pertanian di negara ini masih dikuasai pekebun kecil dengan sebahagian besar petani adalah golongan berusia.

Dengan kelapa sawit meliputi 75 peratus hasil tanaman, kepelbagaian pertanian harus dipertimbangkan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tanaman tunggal untuk melindungi sektor itu daripada kejutan luaran.

Menurut laporan sehingga 2017, nilai tambah pertanian bagi setiap pekerja di Malaysia adalah 45 peratus daripada purata dalam kalangan negara berpendapatan tinggi.

Firas berkata, jika transformasi pertanian terus tertangguh, ekonomi juga berdepan situasi sukar untuk beralih daripada status pendapatan menengah atas dan usaha meningkatkan kemakmuran antara komuniti luar bandar dan bandar mungkin turut terjejas.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussien dalam kenyataan berkata, kerajaan serius dan akan terus memberi tumpuan kepada keperluan pembangunan sektor ini.

"Justeru, pertanian pintar dan bernilai tinggi telah dikenal pasti sebagai aktiviti pertumbuhan ekonomi utama seperti yang telah dilancarkan dalam Visi Kemakmuran Bersama 2030.

"Melangkah ke hadapan, kami akan terus bekerjasama untuk memperkayakan dasar pembangunan negara," katanya.

Di sesetengah negara, isi rumah sektor pertanian menguasai pendapatan menengah yang lebih tinggi daripada isi rumah di sektor lain yang mencerminkan produktiviti lebih tinggi dalam pertanian berbanding sektor lain.

➤ Tanpa perubahan, akan berlaku kelewatan transformasi ekonomi yang menjejaskan ekosistem ekonomi keseluruhan, kemiskinan, keselamatan makanan dan kebajikan penduduk bandar dan luar bandar.

Firas Raad,
Pengurus Negara Bank Dunia ke Malaysia



Dari kiri, Pengarah Bahagian Pertanian Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Yatimah Sarjiman; Firas Raad, Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Dr Zunika Mohamed; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hashina Abdul Hamid dan Ahli Ekonomi Kanan Pertanian Bank Dunia, Samuel Taffesse pada majlis pelancaran laporan Bank Dunia di Putrajaya, semalam.

(Foto: Luqman Hakim Zubir/BH)

Galak ceburi pertanian moden

Saranan kepada anak muda supaya modenkan teknik pertanian

MOHD IZZATULIZUAN TAHIR

SUNGAI BESAR

Golongan muda diminta supaya menceburi sektor pertanian moden bagi mengurangkan kebergantungan barangan import, selain mampu menjana pendapatan lumayan.

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Senator Dr Yaakob Sapari berkata, ketika ini Malaysia terpaksa mengimport produk pertanian dan ternakan dari luar negara dengan nilai keseluruhan sebanyak RM52 bilion.

Menurutnya, produk seperti cili dan timun, misalnya boleh ditanam sendiri oleh anak muda seperti dilakukan Pertubuhan



Yaakob (tengah dari kanan) menyampaikan sumbangan zakat kepada penerima pada Program Kasih Peladang Selangor di Dewan Terbuka Parit 1, Jalan Parit 1, Sungai Besar, Selangor semalam.

Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langkat.

"Saya dapati PPK Kuala Langkat berjaya dengan tanaman cili fertigasi dan kalau boleh PPK Sungai Besar, Tanjung Karang dan Kuala Selangor terlibat sama dalam usaha ini untuk pertanian moden," katanya pada sidang akhbar Program Kasih Peladang

Selangor di Dewan Terbuka Parit 1, Jalan Parit 1, Sungai Besar di sini semalam.

Yaakob berkata, ketika ini sebanyak 80 peratus pesawah terdiri dalam kalangan mereka yang berusia 60 tahun ke atas.

"Justeru, kita hendak menarik anak muda terlibat dalam sektor ini dengan memodenkan teknik

pertanian. Di sawah kalau boleh untuk meracun dan membaja kita gunakan kaedah dron," katanya.

Hadir sama, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar, Datuk Ramli Norani.

Mengulas mengenai program itu, Yaakob berkata, seramai 250 orang penerima asnaf

peladang daripada lima PPK iaitu PPK Sungai Besar, PPK Tanjung Karang, PPK Kuala Selangor, PPK Pasir Panjang dan PPK Bernam. Jaya menerima sumbangan wakalah zakat sebanyak RM200 setiap seorang dengan nilai peruntukan sebanyak RM150,000.

Pada majlis sama, Nafas turut menyampaikan sumbangan biasiswa pendidikan, Dana Tabung Pengajian Tinggi Nafas kepada anak-anak ahli Peladang yang mendapat keputusan dalam peperiksaan 2019 iaitu GPA 3.5 dan ke atas bagi peringkat diploma dan ijazah dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang diiktiraf di Malaysia.

Sementara itu, seorang penerima sumbangan zakat penerima, Fatimah Zaini, 59, berterima kasih kepada Nafas yang sentiasa prihatin dengan golongan kurang bernasib baik.

"Dengan bantuan ini, dapatlah saya membeli barangan keperluan, apatah lagi suami sudah meninggal setahun lalu," katanya.

Oleh Nora Mahpar
bismes@hmetro.com.my

Sektor pertanian di Malaysia memerlukan pelan transformasi untuk meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan negara.

Ini kerana bidang pertanian di negara ini masih dikuasai pekebun kecil dengan sebahagian besar petani adalah golongan berusia, selain tumpuan hanya kepada tanaman kelapa sawit.

Mengikut laporan Bank Dunia bertajuk Transformasi Pertanian dan Pertumbuhan Inklusif: Pengalaman Malaysia, walaupun kejayaan negara dalam bidang pertanian boleh dijadikan sebagai kajian kes untuk negara ekonomi sedang pesat membanjir jika Malaysia mahu sektor agrikultur mencerminkan ekonomi maju.

Pengurus Negara Bank Dunia ke Malaysia, Firas Radad berkata, tunjang transformasi struktur ekonomi negara adalah bidang pertanian.

"Iada negara melaksanakn peralihan kepada status berpendapatan tinggi tanpa transformasi pertanian.

Tanpa sebarang perubahan, akan berlakunya kele-

watan transformasi ekonomi yang menjejaskan ekosistem ekonomi keseluruhan, kemiskinan, keselamatan makanan dan kebajikan penduduk bandar dan luar bandar," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran laporan itu di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Saiful Anuar Lebal Hussein.

Kajian itu hasil kerjasama antara Bank Dunia dan Ke-

menterian Hal Ehwal Ekonomi dalam pelbagai dasar terutama bidang pertanian yang menjadi tumpuan ketika ini.

Laporan itu turut menyatalan, kelapa sawit meliputi 75 peratus basil tanaman dan kepelbagaian pertanian harus dipertingkatkan untuk mengurangkan keber-

gantungan terhadap tanaman tunggal bagi melindungi sektor itu daripada kejutan luaran.

Menurut laporan sehingga 2017, nilai tambah pertanian bagi setiap pekerja di Malaysia adalah 45 peratus daripada purata dalam kalangan negara berpendapatan tinggi.

Firas berkata, jika transformasi pertanian terus terganggu, ekonomi juga akan berdepan situasi sukar untuk beralih daripada status pendapatan menengah atas dan usaha untuk meningkatkan kemakmuran bersama anta-

ra komuniti luar bandar dan bandar mungkin akan turut terjejas.


Sementara itu, Saiful berkata, kerajaan serius akan terus memberi tumpuan kepada keperluan pembangunan sektor ini.

"Justeru, pertanian pin-tar dan bernilai tinggi telah dikenal pasti sebagai aktiviti pertumbuhan ekonomi utama seperti mana yang telah dilancarkan dalam Wawasan Kemakmuran

Bersama 2030.

"Melangkah ke hadapan, kami akan terus bekerjasama untuk memperkayakan dasar pembangunan negara," katanya.

Di sesebuah negara, isi rumah sektor pertanian menguasai pendapatan menengah yang lebih tinggi daripada isi rumah di sektor lain yang mencerminkan produktiviti lebih tinggi dalam pertanian berbanding sektor lain.



PEKERJA kebun sayur melihat basil tanaman berkegiatan di Kampung Pns Terisi di Cameron Highland.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2019	THE SUN	SUN BIZ	11



Smart and high-value agriculture has been identified as a key economic growth activity in the Shared Prosperity Vision 2030. - REUTERSPIX

M'sian agri sector needs urgent reforms: World Bank

PETALING JAYA: Malaysia's agricultural productivity is less than half of high-income country averages, highlighting an urgent need for reforms and expanding the sector's contribution to the country's development trajectory, according to a World Bank report.

Titled 'Agricultural Transformation and Inclusive Growth: the Malaysian Experience', the report said further efforts are needed if Malaysia is going to have an agricultural sector reflective of a developed economy. World Bank country manager for Malaysia Firas Raad (pb) said agriculture is at the heart of a country's economic structural transformation.

"No country has made a transition to high-income status without successful agricultural transformation. Without such shifts, there will be delays to

economic transformation to the detriment of the overall economy, poverty reduction, food security, and the broad welfare of urban and rural people.

"We have been working closely with the Ministry of Economic Affairs on various areas of policy - agricultural transformation being the latest. We hope our strong partnership will continue to serve the long-term development aspirations of the country," he said in a statement issued by the World Bank.

The report notes that agriculture in Malaysia is still dominated by smallholders with an aging farmer population.

With palm oil covering 75% of the cultivated land, agriculture diversification should be considered to reduce dependence on single crops to protect



the sector from external shocks, the report stated.

As of 2017, agricultural value added per worker in Malaysia was 45% of the average among high-income countries.

The report recommended that Malaysia address this issue as a key development priority,

noting that successful agricultural transformation would lead to a convergence between average household incomes from agriculture and from other development.

Economic Affairs Ministry secretary-general Datuk Saiful Anuar Lebal Hussen said the government is focusing on this development need. "Smart and high-value agriculture has been identified as a key economic growth activity in the recently launched Shared Prosperity Vision 2030.

"This timely report is a joint effort between our ministry and the World Bank and serves to distill lessons from the Malaysian experience and identify remaining key challenges. Moving forward, we will continue our cooperation to enrich development policies in Malaysia," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2019	HARIAN METRO	LOKAL	12

JOM KE PAMERAN 2019
HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

20 NOVEMBER - 1 DISEMBER 2019
PADANG A & PADANG B, ANGSANA JONOR BAHRU MALL
10.00 PAGI - 10.00 MALAM

HPPNK 2019

f @hppnk2019
i #hppnk2019

Amakanenkitamacedepanrikita

Merupakan oleh: [Logos of various agricultural organizations]

Keibong oleh: [Logos of various agricultural organizations]

AKTIVITI MENARIK

- Agro Belia
- MySeafood
- Agro Kulinar!
- Forum Perdana
- Jualan Tanl Segar
- Agro Pelancongan
- Empayar Makanan
- Budaya dan Sanitasi
- Kenduri Rakyat Nasi Ambeng
- Pameran Agro Teknologi dan Mekanisasi
- Konvensyen Peladang, Pentermak dan Nelayan
- Pameran Hasil Pertanian, Teramakan dan Akuakultur
- Pertandingan Hari Peladang, Pentermak dan Nelayan